

**PINDAAN GARIS PANDUAN POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG
DENGAN YURAN KESETIAUSAHAAN DAN YURAN PEMFAILAN CUKAI MULAI
TAHUN TAKSIRAN 2022**

1. PENGENALAN

- 1.1 Yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai merupakan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pembayar cukai bagi mematuhi keperluan perundangan dalam menjalankan perniagaan. Kedua-dua yuran ini tidak diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan kerana tidak dilakukan secara langsung dalam menghasilkan pendapatan perniagaan.
- 1.2 Walau bagaimanapun, mulai Tahun Taksiran (TT) 2015, perbelanjaan untuk yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan ini telah diberi potongan melalui Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (KKCP). Potongan cukai pendapatan ini layak diberi kepada pembayar cukai yang menjalankan perniagaan dan bermastautin di Malaysia.
- 1.3 Berikut adalah Jadual ringkasan KKCP bagi layanan cukai terhadap potongan Perbelanjaan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai **sebelum TT 2022**.

KKCP (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) / Perbelanjaan	Tempoh TT Berkuat kuasa	Syarat Potongan Cukai		Amaun Potongan Dibenarkan Terhad (RM) Setiap TT
		Dilakukan dan Dibayar	Dilakukan	
(i) P.U.(A) 336/2014 ¹				
Yuran kesetiausahaan	2015 - 2019	√		5,000
Yuran pemfailan cukai	2015 - 2019	√		10,000

¹ KKCP ini telah dibatalkan melalui KKCP P.U.(A) 162/2020 yang berkuat kuasa mulai TT 2020.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

	(Borang Seksyen 107C) 2016 - 2019 (BNCP)			
(ii) P.U.(A) 162/2020				
Yuran kesetiausahaan	2020 - 2021	√		15,000
Yuran pemfailan cukai		√		

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan penjelasan mengenai layanan cukai bagi tuntutan perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai mulai TT 2022.

3. UNDANG-UNDANG

3.1 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam garis panduan ini adalah KKCP:

- (a) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) (Pindaan) 2021 [P.U.(A) 471/2021]; dan
- (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [P.U.(A) 162/2020].²

Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan Garis Panduan ini adalah Seksyen 77, seksyen 77A, seksyen 77B, seksyen 83, seksyen 86 dan seksyen 107C.

3.2 Peruntukan Akta lain selain daripada ACP yang dirujuk dalam Garis Panduan ini adalah:

- (a) Seksyen 26 Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806];

² KKCP ini juga disebut sebagai “Kaedah-Kaedah Ibu” dalam KKCP [P.U.(A) 471/2021] yang berkuat kuasa mulai TT 2022.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (b) Seksyen 26 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*];
- (c) Seksyen 19 Akta Levi Pelepasan 2019 [*Akta 813*]; dan
- (d) Seksyen 19 Akta Cukai Pelancongan 2017 [*Akta 791*].

4. LAYANAN CUKAI MULAI TAHUN TAKSIRAN 2022

- 4.1 Berkuat kuasa mulai TT 2022, potongan cukai bagi perbelanjaan berhubung yuran kesetiausahaan dan pemfailan cukai telah dipinda melalui KKCP (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) (Pindaan) 2021 [P.U.(A) 471/2021], yang menjelaskan bahawa perbelanjaan berhubung dengan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan layak diberikan potongan cukai dengan syarat hanya '**dilakukan**' oleh seseorang itu dalam tempoh asas bagi sesuatu TT.
- 4.2 Berikut adalah Jadual ringkasan yang menjelaskan potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai **mulai TT 2022**.

KKCP (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai)(Pindaan)/ Perbelanjaan	Tempoh TT Berkuat kuasa	Syarat Potongan Cukai		Amaun Potongan Dibenarkan Terhad (RM) Setiap TT
		Dilakukan dan Dibayar	Dilakukan	
(i) P.U.(A) 471/2021				
Yuran kesetiausahaan	2022		√	15,000
Yuran pemfailan cukai			√	

- 4.3 Perbelanjaan berkaitan yuran kesetiausahaan dan pemfailan cukai yang telah dilakukan dalam tempoh asas bagi TT 2020 dan 2021, namun belum dituntut lagi, hanya dibenarkan dituntut sebagai potongan apabila perbelanjaan tersebut telah dibayar dalam TT 2022 atau tahun taksiran berikutnya. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang dibenarkan juga merangkumi perbelanjaan yang dilakukan dalam TT 2022 yang terhad

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

kepada RM15,000 sahaja. (Sila rujuk kepada Contoh 2 dalam perenggan 8)

- 4.4 Perbelanjaan yang dilakukan sebelum tempoh asas bagi TT 2020 dan 2021 yang masih belum dituntut lagi adalah tidak dibenarkan dituntut mulai 1 Januari 2022.

5. PERBELANJAAN YURAN KESETIAUSAHAAN YANG LAYAK

- 5.1 Perbelanjaan yuran kesetiausahaan yang layak diberi potongan adalah bayaran yuran kesetiausahaan yang dibayar kepada setiausaha syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 (AS) [Akta 777]. Yuran ini hendaklah berkaitan dengan perkhidmatan kesetiausahaan bagi mematuhi kehendak statutori di bawah Akta Syarikat (AS) 2016.
- 5.2 Yuran kesetiausahaan yang layak diberikan potongan terdiri daripada perbelanjaan kesetiausahaan seperti khidmat nasihat berhubung mesyuarat syarikat, penyediaan resolusi pengarah, penerbitan saham, pengemukaan borang-borang yang ditetapkan di bawah AS 2016 dan lain-lain berhubung hal-hal syarikat.
- 5.3 Mulai TT 2022, berdasarkan pindaan melalui KKCP P.U.(A) 471/2021 perbelanjaan yuran kesetiausahaan layak mendapat potongan di bawah KKCP P.U.(A) 162/2020 dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran iaitu **selepas perkhidmatan diterima** walaupun perbelanjaan tersebut belum dibayar.

6. PERBELANJAAN YURAN PEMFAILAN CUKAI YANG LAYAK

- 6.1 Yuran pemfailan cukai adalah termasuk pemfailan bagi cukai jualan, cukai perkhidmatan, levi pelepasan dan cukai pelancongan. Perbelanjaan yuran pemfailan cukai yang layak diberikan potongan adalah:
- (a) perbelanjaan bagi pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) di bawah seksyen 77, 77A, 77B, 83 dan 86 ACP;
 - (b) perbelanjaan bagi pengemukaan borang berhubung dengan anggaran cukai dan bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP seperti Borang CP204, CP204A dan CP204B;
 - (c) perbelanjaan bagi pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan di bawah seksyen 26 Akta Cukai Jualan 2018;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (d) perbelanjaan bagi pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan di bawah seksyen 26 Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
 - (e) perbelanjaan bagi pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan di bawah seksyen 19 Akta Levi Pelepasan 2019; dan
 - (f) perbelanjaan bagi pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan di bawah seksyen 19 Akta Cukai Pelancongan 2017.
- 6.2 Perbelanjaan yuran pemfailan hendaklah khusus untuk pemfailan borang-borang cukai atau levi pelepasan termasuk khidmat nasihat ejen cukai atau ejen bagi pihak pengendali atau pengendali asing berkaitan pengiraan cukai dan levi pelepasan syarikat.
- 6.3 Mulai TT 2022, berdasarkan pindaan melalui KKCP P.U.(A) 471/2021 perbelanjaan yuran pemfailan cukai yang disenaraikan di subperenggan 6.1(a) hingga (f) di atas, layak mendapat potongan di bawah KKCP P.U.(A) 162/2020 jika perbelanjaan tersebut hanya dilakukan dalam tempoh asas bagi sesuatu TT walaupun belum dibayar.

7. PERBELANJAAN YANG TIDAK LAYAK

Perbelanjaan yang tidak layak diberi potongan bagi yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai adalah terdiri daripada perbelanjaan sampingan seperti *reimbursement/out of pocket expenses*, telefon dan faks, percetakan, perbelanjaan alat tulis, pos, perjalanan dan penginapan. Walau bagaimanapun, bagi yuran kesetiausahaan, perbelanjaan sampingan yang tidak layak termasuk perbelanjaan mesyuarat agung.

8. LAYANAN CUKAI BERHUBUNG YURAN KESETIAUSAHAAN DAN PEMFAILAN CUKAI

Mulai TT 2022, layanan cukai bagi perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai boleh digambarkan dalam contoh-contoh berikut.

Contoh 1

Perbelanjaan dilakukan dalam TT 2022 dan dibayar dalam tahun taksiran yang sama atau tahun taksiran seterusnya

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Syarikat Zafira Sdn Bhd sebuah syarikat pelancongan di Shah Alam dan menutup akaunnya pada 31hb Disember setiap tahun. Syarikat telah menerima inbois bagi dua jenis perkhidmatan yang diterima seperti berikut:

a) Perkhidmatan kesetiausahaan

Perbelanjaan yang Layak Dilakukan - Yuran Kesetiausahaan	Tarikh Inbois / Dilakukan	Tarikh Dibayar	Amaun akan / Dibayar(RM)
Perkhidmatan bagi tempoh 1/1/2022 – 30/9/2022	4/10/2022	10/12/2022	6,000

b) Perkhidmatan pemfailan cukai

Perbelanjaan yang Layak Dilakukan - Yuran Pemfailan Cukai	Tarikh Inbois / Dilakukan	Tarikh Dibayar	Amaun akan / Dibayar(RM)
Pengemukaan BNCP bagi TT 2021	11/8/2022	3/1/2023	4,000
Pengemukaan CP204 bagi TT 2023	28/11/2022	1/2/2023	3,500

Layanan cukai terhadap tuntutan perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai adalah seperti dalam jadual berikut:

Perbelanjaan yang Layak	Tarikh Inbois / Dilakukan	Tarikh akan/ Dibayar	Syarat Potongan Cukai		Amaun Potongan Dibenarkan dalam TT 2022 (RM)
			Dilakukan	Dibayar	
(i) Yuran kesetiausahaan					
Tempoh (1/1/2022-30/9/2022)	4/10/2022	10/12/2022	√	√	6,000
(ii) Yuran pemfailan cukai					
Pengemukaan BNCP (TT2021)	11/8/2022	3/2/2023	√	—	4,000
Pengemukaan CP204 (TT2023)	28/12/2022	1/2/2023	√	—	3,500
Jumlah tuntutan bagi TT 2022					13,500

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Syarikat Zafira Sdn Bhd layak menuntut potongan cukai bagi yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai yang dilakukan dalam tempoh asas bagi TT 2022 iaitu berjumlah RM13,500 kerana telah memenuhi syarat perbelanjaan “dilakukan” dan jumlah tuntutan tidak melebihi RM15,000 menurut kaedah 2, KKCP P.U.(A) 162/2020.

Contoh 2

Perbelanjaan dilakukan dalam TT 2020 dan TT 2021 tetapi dibayar dalam TT 2022

Syarikat Teguhbina Sdn Bhd sebuah syarikat pemajuan hartanah di Damansara dan menutup akaunnya pada 31hb Disember setiap tahun. Syarikat telah menerima inbois bagi perkhidmatan yang diterima seperti berikut:

Perbelanjaan yang Layak Dilakukan	Tarikh Inbois / Dilakukan	Tarikh akan / Dibayar	Amaun akan / Dibayar (RM)
Yuran kesetiausahaan – Perkhidmatan bagi tempoh 1/1/2020-31/12/2020	2/1/2021	4/2/2022	6,000
Yuran pemfailan cukai – Pengemukaan BNCP TT 2019	5/8/2020	7/3/2022	5,000
Yuran pemfailan cukai – Pengemukaan CP 204 TT 2021	8/11/2020	6/1/2023	3,500
Yuran pemfailan cukai – Pengemukaan BNCP TT 2021	10/4/2022	5/1/2023	5,000

Layanan cukai terhadap tuntutan perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai adalah seperti dalam jadual berikut:

Perbelanjaan yang Layak	Tarikh Inbois/ Dilakukan	Tarikh akan / Dibayar	Syarat Potongan Cukai		Amaun Potongan Dituntut dalam TT 2022 (RM)
			Dilakukan dalam TT 2020, TT 2021 & TT 2022	Dibayar	

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(i) Yuran kesetiausahaan					
Tempoh (1/1/2020-31/12/2020)	2/1/2021	4/2/2022	√	√	6,000
(ii) Yuran pemfailan cukai					
Pengemukaan BNCP (TT2019)	5/8/2020	7/3/2022	√	√	5,000
Pengemukaan CP204 (TT2021)	8/11/2020	6/1/2023	√	—	—
Pengemukaan BNCP (TT2021)	10/4/2022	5/1/2023	√	—	5,000
Jumlah tuntutan bagi TT 2022					16,000
Jumlah potongan terhad yang dibenarkan bagi TT 2022					15,000

Syarikat Teguhbina Sdn Bhd layak menuntut potongan cukai untuk yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai bagi TT 2020 dan TT 2021 kerana telah memenuhi syarat iaitu perbelanjaan 'dilakukan' dan 'dibayar' menurut peruntukan subkaedah 2(3) KKCP P.U.(A) 162/2020 (berdasarkan pindaan melalui KKCP P.U.(A) 471/2021). Manakala, perbelanjaan yuran pemfailan cukai bagi pengemukaan CP 204 bagi TT 2021 hanya dibenarkan dituntut pada TT 2023 apabila perbelanjaan tersebut dibayar kelak.

Perbelanjaan yuran pemfailan cukai bagi pengemukaan BNCP TT 2021 layak dituntut pada TT 2022 kerana telah memenuhi syarat perbelanjaan 'dilakukan' walaupun belum di bayar.

Walaupun bagaimanapun, jumlah potongan yang dibenarkan untuk keseluruhan perbelanjaan bagi TT 2022 adalah terhad kepada RM15,000 sahaja walaupun perbelanjaan sebenar yang dilakukan berjumlah RM16,000.

Contoh 3

Perbelanjaan dilakukan sebelum TT 2020 tetapi belum dituntut

Syarikat Erica Sdn Bhd sebuah syarikat pereka hiasan dalaman di Cyberjaya dan menutup akaunnya pada 31hb Disember setiap tahun. Syarikat ingin menuntut potongan cukai bagi TT 2018 dan 2019 dalam TT 2022 kerana belum dituntut lagi. Dua jenis perkhidmatan dan inbois yang telah diterima oleh syarikat seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Perbelanjaan yang Layak Dilakukan	Tarikh Inbois / Dilakukan	Tarikh akan Dibayar	Amaun akan Dibayar (RM)
Yuran Kesetiausahaan – Perkhidmatan bagi tempoh 1/1/2018-31/12/2018	31/12/2018	3/1/2023	6,000
Yuran pemfailan cukai – Pengemukaan Penyata cukai jualan dan perkhidmatan bagi TT 2019	27/11/2019	3/1/2023	5,000

Layanan cukai terhadap tuntutan perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai adalah seperti dalam jadual berikut:

Perbelanjaan yang Layak	Tarikh Inbois/ Dilakukan	Tarikh akan Dibayar	Syarat Potongan Cukai		Amaun Potongan Dibenarkan dalam TT 2022 (RM)
			Dilakukan	Dibayar	
(i) Yuran kesetiausahaan					
Tempoh (1/1/2018-31/12/2018)	31/12/2018	3/1/2023	√		Tiada
(ii) Yuran pemfailan cukai					
Pengemukaan penyata cukai jualan dan perkhidmatan (TT2019)	27/11/2019	3/1/2023	√		Tiada
Jumlah tuntutan bagi TT 2022					-

Syarikat Erica Sdn Bhd tidak layak menuntut potongan cukai dalam TT 2022 untuk yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai yang dilakukan bagi TT 2018 dan TT 2019 masing-masing. Ini kerana, peruntukan subkaedah 2(3) dalam KKCP P.U.(A) 162/2020 (berdasarkan pindaan melalui KKCP P.U.(A) 471/2021) hanya membenarkan perbelanjaan yang belum dituntut sebagai potongan dalam TT 2022 jika perbelanjaan itu **dilakukan dalam TT 2020 dan 2021 sahaja**. Sila rujuk kepada perenggan 4.4 dalam garis panduan ini untuk penerangan lanjut.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 4

Perbelanjaan dilakukan dalam TT 2022 tetapi inbois dikeluarkan pada TT 2023

Syarikat Dinamik Sdn Bhd telah menerima perkhidmatan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai bagi TT 2022. Walaupun perbelanjaan perkhidmatan yang diterima dilakukan dalam TT 2022 tetapi inbois hanya diterima pada 4/1/2023. Syarikat akan membuat bayaran pada 11/3/2023.

Perbelanjaan yang Layak Dilakukan	Tempoh Perbelanjaan Dilakukan	Tarikh Inbois akan Dikeluarkan	Tarikh akan Dibayar	Amaun akan Dibayar (RM)
Yuran kesetiausahaan – Perkhidmatan bagi tempoh 1/1/2022-31/12/2022	TT 2022	4/1/2023	11/3/2023	6,000
Yuran pemfailan cukai – Pengemukaan penyata levi pelepasan TT 2022	TT 2022	4/1/2023	11/3/2023	2,000

Layanan cukai terhadap tuntutan perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai adalah seperti dalam jadual berikut:

Perbelanjaan yang Layak	Tempoh Perbelanjaan Dilakukan	Tarikh Inbois akan Dikeluarkan	Tarikh akan Dibayar	Syarat Potongan Cukai		Amaun Potongan Dibenarkan dalam TT 2022 (RM)
				Dilakukan	Dibayar	
(i) Yuran kesetiausahaan						
Tempoh (1/1/2022-31/12/2022)	TT 2022	4/1/2023	11/3/2023	√		6,000
(ii) Yuran pemfailan cukai						
Pengemukaan penyata levi pelepasan (TT 2022)	TT 2022	4/1/2023	11/3/2023	√		2,000
Jumlah tuntutan bagi TT 2022						8,000



YURAN KESETIAUSAHAAN DAN YURAN PEMFAILAN CUKAI

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Syarikat Dinamik Sdn Bhd dibenarkan menuntut potongan cukai untuk yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai bagi TT 2022 dalam TT 2022 kerana perbelanjaan tersebut telah memenuhi syarat 'dilakukan' pada tahun 2022 walaupun bayaran masih belum dibuat lagi. Oleh itu, amaun potongan yang layak dituntut bagi kedua-dua jenis yuran tersebut dalam TT 2022 adalah perbelanjaan yang berjumlah RM8,000.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

17 Ogos 2022

s.k. LHDN.01/35/(S)/42/51/286-48